



PENJAGAAN KESIHATAN TERMAMPU



Mendapatkan rawatan di hospital sememangnya membimbangkan. Ia bukan sahaja soal kesihatan anda. Anda mungkin berasa runsing tentang bil hospital. Jangan bimbang. Bantuan kini disediakan dengan subsidi Pemerintah dan 3M – Medisave, MediShield dan Medifund.

SUBSIDI

Rakyat Singapura menikmati subsidi besar di hospital-hospital awam, terutamanya dalam wad Kelas B2 dan C.

Ini bermakna bahawa sebahagian besar daripada bil-bil hospital anda sudah pun dibayar sebaik sahaja anda dimasukkan ke dalam hospital.

Di bawah rangka kerja ujian kemampuan yang disarankan, kebanyakannya pesakit Kelas B2 dan C akan terus menikmati subsidi sebanyak 80% dalam wad Kelas C dan 65% dalam wad Kelas B2 yang diberikan ketika ini.

Ujian kemampuan akan hanya menjelas sebilangan kecil para pekerja berpendapatan lebih tinggi yang memilih Kelas B2/C. Namun begitu, mereka akan terus diberi subsidi besar, sekurang-kurangnya 50%, dan yuran berkeraian akan kekal termampu untuk semua.

Tidak kira tahap pendapatan anda, yakinlah

bahawa anda bebas memilih wad yang anda suka.

Ujian kemampuan akan membantu menumpukan subsidi kepada kumpulan pendapatan rendah sedang kita terus memperbaiki khidmat penjagaan kesihatan bersubsidi kita.

Bagaimanakah kita boleh memainkan peranan untuk memastikan bil-bil hospital kita sentiasa termampu?

Mudah. Pilihlah wad anda dengan teliti. Jika anda hanya mampu Kelas B2, jangan memilih wad kelas lebih tinggi.

Prawaian penjagaan adalah sama dalam semua wad, sama ada ia Kelas C atau Kelas A.

Yakinlah bahawa anda akan mendapat penjagaan perubatan berkualiti tinggi yang anda wajar terima.

Subsidi pesakit langsung sebanyak \$1.5 billion telah diberikan dalam 2006 dan jumlah ini dijangka melebihi \$2 billion setahun menjelang 2012.

Biar saya teka – bila suami awak jumpa awak di tempat kemalangan, kata-katanya yang pertama ialah: "Syukurlah, awak masih hidup!"

Tidak, dia kata: "Syukurlah ada subsidi penjagaan kesihatan!"



Wow, MediSave bantu kurangkan bil hospital saya, jadi saya masih ada wang tunai dalam beg duit saya!

Tidak lagi, sayang. Semasa awak diberi ubat anestesi...



MEDISAVE

Ujian kemampuan memastikan bahawa subsidi diberikan kepada mereka yang paling memerlukannya, manakala MediSave pula membuat bil-bil bersubsidi kita menjadi lebih termampu.

Tahukah anda bahawa secara purata, setiap daripada kita mempunyai sekitar \$13,600 dalam akaun MediSave kita dan ini cukup bagi 13 kali rawatan hospital dalam Kelas C?

Penjimatan ini banyak membantu dalam membayar bil-bil hospital kita dan mengurangkan bayaran dengan wang tunai.

80% daripada pesakit yang menginap di hospital menggunakan MediSave untuk membayar rawatan hospital mereka. MediSave boleh juga digunakan untuk membayar bagi pembedahan tanpa penginapan di wad (day surgery) dan rawatan pesakit luar yang diluluskan, seperti dialisis ginjal, penyakit kencing manis dan angin ahmar.



MEDI SHIELD

Dengan subsidi besar dan MediSave, sebahagian besar daripada bil-bil hospital kita akan dapat ditampung.

Tetapi bagaimana jika kita menanggung bil besar disebabkan penyakit serius? Bagaimana jika kita tidak mampu membayarnya meskipun dengan subsidi dan MediSave?

Itulah sebabnya kita harus dilindungi MediShield, satu skim insurans perubatan yang menampung 60% daripada bil-bil besar bagi wad Kelas B2 dan C.

Jika anda ingin menginap di kelas wad lebih

tinggi, sebuah pelan insurans tambahan yang menawarkan perlindungan perubatan yang lebih baik akan dapat memenuhi keperluan anda dengan lebih baik.

Ketika memilih pelan insurans yang ingin dibeli, anda perlu pertimbangkan sama ada anda mampu membayar premiumnya bagi tempoh yang panjang, pilihan wad hospital dan jenis perlindungan.

Anda tidak tahu seburuk mana anda mungkin terjejas apabila diserang penyakit. Skim insurans yang baik akan memberi anda perlindungan perubatan secukupnya bagi kelas wad yang anda pilih.

Sekitar 75% daripada rakyat Singapura dilindungi pelan insurans bersepadan swasta yang diluluskan MediShield atau MediSave. Dalam 2006, tuntutan sebanyak \$116 juta telah dibayar daripada MediShield.

Berita baik, anak: awak ada MediShield, yang ayah akan bayar sebanyak \$30 setahun. Berita tidak baik: Ayah akan potong \$30 daripada duit saku awak setiap tahun.



Pesakit yang tak cukup duit akan tetap dapat penjagaan kesihatan... jadi kenapa dia tak dapat?

Dia dapat penjagaan kesihatan; cuma dia yang tak mau!



MEDIFUND

Bagi kebanyakan kita, MediSave dan MediShield menawarkan perlindungan besar dan menjadikan bil-bil hospital kita amat termampu. Tetapi, sebilangan orang mungkin masih tidak mempunyai wang yang cukup untuk membayar bil-bil hospital mereka meskipun dengan MediSave dan MediShield.

Jangan bimbang jika anda menghadapi kesukaran sedemikian. Medifund, sebuah jaringan keselamatan kewangan, boleh membantu melunaskan bil-bil hospital anda yang selebihnya.

Dalam 2006, Pemerintah memberikan geran Medifund sebanyak \$40.7 juta kepada hospital-hospital dan pertubuhan kebajikan sukarela (VWO) untuk membantu para pesakit yang memerlukan. Tahun lalu, Pemerintah menyurukkan \$200 juta ke dalam Medifund dan ini menjadikan jumlahnya mencapai \$1.5 billion.

Anda boleh memohon bagi Medifund menerusi pekerja perubatan sosial di hospital-hospital awam kita. Tahun lalu, sekitar 98% daripada permohonan Medifund diluluskan.

Medifund memberi bantuan kepada rakyat Singapura yang memerlukan dan menghalangkan kebimbangan tentang bil-bil hospital.

Dengan adanya subsidi bersama dengan MediSave dan MediShield, tiada sesiapun akan dihalau menerima penjagaan kesihatan yang termampu.

